



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

PENETAPAN HARGA MAKSIMUM VAKSIN COVID-19 DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

Pemberian vaksin adalah percuma di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan diberikan secara sukarela kepada semua penduduk Malaysia untuk perlindungan imuniti.

2. Selain itu, Rakyat juga boleh mendapatkan vaksinasi COVID-19 mengikut pilihan sendiri secara berbayar di hospital dan klinik swasta yang telah diberi kebenaran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut pilihan masing-masing.

3. Kerajaan mendapati harga vaksin COVID-19 yang ditawarkan di sektor swasta masih tinggi dan berbeza-beza, dan pastinya kadar tersebut akan membebankan rakyat terutamanya di saat negara masih lagi berhadapan dengan pandemik COVID-19.

4. Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup rakyat yang meningkat serta mengawal jangkitan virus COVID-19, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bekerjasama melaksanakan penentuan harga maksimum vaksin COVID-19 untuk mengelakkan vaksin COVID-19 dijual dengan harga yang terlalu

tinggi di pasaran. **Penguatkuasaan perintah ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM.**

5. Penentuan harga vaksin COVID-19 hanya melibatkan vaksin yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), KKM. Buat masa ini, KKM melaksanakan proses penentuan harga borong maksimum dan harga runcit maksimum bagi **dua produk vaksin COVID-19 sahaja** iaitu jenama **CoronaVac** keluaran **Sinovac** dan **Covilo** keluaran **Sinopharm**. **Harga borong maksimum dan harga runcit maksimum bagi kedua-dua vaksin ini akan berkuat kuasa pada 15 Januari 2022** di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011. Harga borong dan runcit maksimum vaksin COVID-19 terbabit adalah seperti berikut:

Bil./ No.	Barangan / Goods	Harga Maksimum per dos/ Maximum Price per dose (RM)	
		Borong/Wholesale	Runcit/Retail*
1.	CoronaVac Suspension for Injection SARS-CoV-2 Vaccine (Vero Cell), Inactivated (MAL No.: MAL21036010ARZ & MAL21046125ACSZ)	62.00	77.00
2.	COVILO Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated (MAL No.: MAL21076098AZ)	49.00	61.00

6. Harga runcit maksimum yang ditetapkan adalah tidak termasuk caj perkhidmatan dan caj barangan pakai buang yang digunakan ketika suntikan vaksin COVID-19. Penentuan harga maksimum ini secara asasnya dibuat berdasarkan harga pengimportan dan harga pasaran semasa. Senarai dan harga vaksin COVID-19 akan dikaji secara berterusan dan akan ditambahbaik atau digugurkan berdasarkan penilaian situasi pasaran dan keperluan semasa.

7. Setiap fasiliti kesihatan swasta yang mendapat kelulusan Kerajaan untuk menawarkan *private-purchase vaccination* diwajibkan mempamerkan harga jualan vaksin COVID-19 untuk rujukan orang ramai dalam meningkatkan ketelusan maklumat harga vaksin. Dengan ini orang ramai boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan vaksin COVID-19 pada harga yang berpatutan mengikut pilihan pengguna.

8. Adalah diingatkan bahawa **tindakan tegas akan diambil terhadap individu/syarikat yang gagal mematuhi peraturan-peraturan ini.** Mana-mana individu/syarikat yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan tindakan penalti seperti berikut:

i. **Kesalahan menjual melebihi harga maksimum:**

- a. **Individu:** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
- b. **Syarikat:** boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

9. Kerajaan telah menyediakan **medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga. Jika didapati ada individu/syarikat yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan harga maksimum ini, **pengguna boleh menyalurkan aduan** melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KKM <https://moh.spab.gov.my>

YB Khairy Jamaluddin
Menteri Kesihatan Malaysia

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Putrajaya

13 Januari 2022
Putrajaya